



*Jurnal Teknologi*, 39(E) Dis. 2003: 63–76  
© Universiti Teknologi Malaysia

## **TAHAP PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN SEMASA MENJALANKAN KERJA AMALI BENGKEL**

YAHYA BUNTAT<sup>1</sup> & ROZITA SANAPI<sup>2</sup>

**Abstrak.** Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau tahap penghayatan nilai-nilai murni para pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia semasa menjalani kerja amali di bengkel. Kajian ini melibatkan sejumlah 92 sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu dan tahun tiga Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) 1997/1998. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada semua sampel yang terlibat. Hasil kajian mendapat para pelajar tersebut mempunyai tahap penghayatan yang tinggi dan bersikap positif. Bagaimanapun, beberapa aspek nilai-nilai murni didapati mendapat peratus penghayatan yang rendah dan perlu diberi perhatian semasa proses pembelajaran dijalankan. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memantapkan lagi amalan penghayatan nilai-nilai murni yang telah dilaksanakan.

### **1.0 PENGENALAN**

Masalah kemerosotan ahlak di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) seringkali menjadi tajuk perbincangan hangat di kalangan masyarakat di negara ini. Ini disebabkan mereka merupakan tonggak kepada ketamadunan sesebuah bangsa dan negara. Tambahan pula mereka ini dianggap kelompok yang berilmu pengetahuan tinggi. Setiap tindak-tanduk mereka sentiasa diikuti dan dinilai oleh masyarakat. Umumnya masyarakat berpendapat bahawa akhlak adalah merupakan suatu faktor hidup yang amat penting di kalangan pelajar-pelajar IPT.

Untuk melahirkan akhlak yang tinggi adalah perlu bagi para pelajar mengamalkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan oleh guru semasa berada di alam persekolahan lagi. Pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ini mempunyai dua peranan penting. Pada peringkat individu, ia menentukan seseorang pelajar itu berjaya memperolehi ilmu dan kemajuan dalam latihan profesionnya dengan tahap disiplin yang tinggi sehingga melahirkan pelajar yang jujur dan amanah serta berakhhlak mulia. Pada peringkat institusi pula setiap pelajar dalam institusi bertanggungjawab bagi menentukan kejayaan institusi itu sebagai gedung ilmu yang tidak tercemar dan terancam dengan amalan serta budaya tidak bermoral dan bertamadun.

Sungguhpun begitu untuk menentukan setiap pelajar di IPT mengamalkan nilai-

---

<sup>1&2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81300 Skudai Johor Darul Takzim.



nilai murni bukanlah satu perkara yang mudah. Masalah-masalah seperti ponteng kuliah, tidak menghormati pensyarah, lewat menghantar tugas, melanggar peraturan lalulintas, bergaduh, melakukan perkara sumbang seperti berkhawat, seringkali wujud. Masalah ini sepatutnya tidak timbul kerana pelajar-pelajar ini telahpun dide dahkan dengan nilai-nilai murni sebelum berada di IPT lagi.

Corak pembelajaran di IPT pula lebih mencabar dan memerlukan kesabaran serta usaha yang gigih. Pelajar-pelajar diberi peluang menentukan halatuju sendiri dan mereka dididik supaya lebih berdikari. Situasi pembelajaran di bengkel berbeza berbanding dengan pembelajaran di dalam kelas kerana di bengkel terdapat kerja amali dan dipenuhi dengan peralatan dan mesin. Penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni yang tinggi adalah amat diperlukan. Pelajar diharapkan dapat mematuhi segala peraturan dan arahan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat juga para pelajar yang masih tidak mematuhi peraturan yang ditentukan dan ini menimbulkan masalah dalam pengurusan bengkel. Keadaan ini mengambarkan sebahagian pelajar tidak menghayati nilai-nilai murni yang telah diterapkan semenjak di bangku sekolah lagi. Menyedari hakikat ini pengkaji ingin meninjau tahap penghayatan nilai-nilai murni dan sikap terhadap kepentingan nilai-nilai murni di kalangan pelajar, semasa menjalankan amali di bengkel Fakulti Pendidikan UTM khususnya.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap penghayatan dan sikap para pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) (SPH) di UTM. Objektif khusus kajian ialah:

1. Mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH semasa menjalankan kerja amali di bengkel.
2. Mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH mengikut jantina dan tahun pengajian semasa menjalankan amali di bengkel.
3. Meninjau pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni semasa menjalankan amali di bengkel.
4. Meninjau pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni mengikut jantina dan tahun pengajian semasa menjalankan amali di bengkel.

## 3.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) tahun satu dan tahun tiga atau SPH. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan formula Kerjcie & Morgan (1970) dan dipilih secara rawak berlapis. Seramai 90 orang pelajar dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Sejumlah 34 orang pelajar dari keseluruhannya adalah terdiri daripada pelajar program perdana yang sedang menuntut



di tahun satu. Manakala 56 orang lagi adalah terdiri daripada pelajar bekas guru yang sedang menuntut di tahun tiga.

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina mengandungi 3 bahagian. Bahagian A, berkaitan dengan maklumat dan latar belakang responden, Bahagian B, soalan-soalan berkaitan dengan tahap penghayatan nilai-nilai murni yang mengandungi 16 item. Manakala Bahagian C, soalan-soalan berkaitan dengan sikap terhadap kepentingan nilai-nilai murni yang juga mengandungi 16 item. Tahap penghayatan nilai-nilai murni diukur berdasarkan 5 tahap iaitu 1=Amat Rendah, 2=Rendah 3=Sederhana, 4=Tinggi dan 5=Amat Tinggi yang kemudiannya diringkaskan menjadi 3 tahap sahaja iaitu R=Rendah (gabungan tahap 1 dan tahap 2), S=Sederhana, dan T=Tinggi (gabungan tahap 4 dan tahap 5). Manakala sikap terhadap kepentingan nilai-nilai murni pula diukur menggunakan skala likert lima mata daripada 1=Tidak Penting, hingga 5=Sangat Penting. Data diproses dalam bentuk peratusan dan min untuk memperihalkan dapatan kajian yang dijalankan.

#### 4.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 45 orang atau (50%) adalah terdiri daripada responden lelaki dan 45 orang atau (50%) lagi adalah terdiri daripada responden perempuan. Responden yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 21 tahun adalah seramai 34 orang (37.8%), 22 hingga 25 tahun hanya 1 orang (1.1%) dan umur 25 tahun ke atas sebanyak 55 orang (61.1%).

**Jadual 1** Maklumat dan latar belakang responden

Latar belakang		Bil.	Peratus
1. Jantina	Lelaki	45	50.0
	Perempuan	45	50.0
2. Umur	18 – 21 tahun	34	37.8
	22 – 25 tahun	1	1.1
3. Kumpulan	25 tahun ke atas	55	61.1
	1 SPH (Perdana)	34	37.8
4. Kelulusan akademik	3 SPH (Bekas Guru)	56	62.2
	Diploma	22	24.4
5. Kelulusan ikhtisas	STPM/HSC	10	11.1
	SPM/MCE	44	48.9
	SPVM/MCVE	14	15.6
	Sijil Perguruan Asas	54	60.0
6. Pengalaman menggunakan bengkel	Tiada Sijil Perguruan Asas	36	40.0
	1 - 2 semester	17	18.9
	1 – 3 tahun	24	26.7
	4 – 6 tahun	9	10.0
	7 – 9 tahun	10	11.1
	10 tahun ke atas	30	33.3



Seramai 22 orang (24.4%) adalah pemegang sijil diploma, 10 orang (11.1%) berkelulusan STPM/HSC, 44 orang (48.9%) berkelulusan SPM/MCE dan 14 orang (15.6%) adalah berkelulusan SPVM/MCVE. Seramai 54 orang sampel (60%) mempunyai Sijil Perguruan Asas. Mereka terdiri daripada bekas guru. Manakala 36 orang sampel (40%) bukan pemegang Sijil Perguruan Asas terdiri daripada pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah dan pemegang sijil diploma dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dari segi pengalaman menggunakan bengkel sebanyak 17 orang (18.9%) responden berpengalaman selama 1 hingga 2 semester. Manakala 24 orang (26.7%) berpengalaman selama 1 hingga 3 tahun, 10 orang (11.1) berpengalaman selama 7 hingga 9 tahun dan 30 orang (33.3%) responden lagi berpengalaman lebih daripada 10 tahun.

### **Objektif 1: Tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH semasa menjalankan kerja amali di bengkel**

Berdasarkan Jadual 2 pula, secara keseluruhan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar SPH berada pada tahap yang tinggi. Item mengenai nilai hormat-menghormati mendapat min yang tertinggi iaitu 4.5, manakala item mengenai hemah tinggi mendapat min 4.4, kebersihan dengan min 4.2 dan nilai kesyukuran mendapat min 4.1.

**Jadual 2** Tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH

Nilai	Peratus tahap penghayatan			Min
	Tinggi (T)	Sederhana (S)	Rendah (R)	
1. Baik hati	45.3%	35.6%	21.1%	3.3
2. Berdikari	43.3%	32.2%	24.5%	3.3
3. Hemah tinggi	86.6%	11.1%	2.2%	4.4
4. Hormat-menghormati	92.2%	4.4%	3.3%	4.5
5. Kasih sayang	37.8%	21.1%	41.2%	2.9
6. Keadilan	76.7%	17.8%	5.6%	4.0
7. Kebebasan	33.3%	44.5%	22.2%	3.3
8. Kebranian	68.9%	18.9%	12.2%	3.7
9. Kebersihan	82.2%	11.1%	6.6%	4.3
10. Kejujuran	78.9%	10.0%	11.1%	4.1
11. Kerajinan	25.6%	42.2%	32.2%	2.9
12. Kerjasama	52.2%	35.6%	12.2%	3.5
13. Kesederhanaan	73.3%	10.0%	16.6%	3.7
14. Kesyukuran	81.1%	12.2%	6.6%	4.2
15. Rasional	78.9%	12.2%	8.9%	4.0
16. Semangat bermasyarakat	71.1%	18.9%	10.0%	3.9
Purata keseluruhan	64.8%	14.8%	20.4%	3.8



Nilai hormat-menghormati selalu dihayati oleh responden kerana mereka merasakan perlu menghargai dan memuliakan pensyarah dan pembantu di bengkel semasa menjalankan amali agar pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Responden juga memberi gambaran bahawa mereka berhemah tinggi di dalam pergaulan dengan rakan sekelas dan mereka mengamalkan kebersihan di bengkel dengan mempastikan kawasan meja kerja dibersihkan sebelum mereka bersurai.

Responden juga menghayati nilai kesyukuran dengan mengucapkan terima kasih kepada rakan dan pensyarah yang membantu mereka semasa menjalankan amali di bengkel. Tahap penghayatan terhadap nilai kerajinan dan juga tahap penghayatan bagi nilai kasih sayang masing-masing mendapat min 2.9.

**Objektif 2(a): Mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH mengikut jantina semasa menjalankan amali di bengkel**

Berdasarkan Jadual 3, kajian ini mendapati tahap penghayatan nilai-nilai murni mengikut jantina di antara responden lelaki dan responden perempuan adalah tinggi

**Jadual 3** Tahap penghayatan nilai-nilai murni mengikut jantina

Item/Nilai	Peratus tahap penghayatan nilai				Min
	Jantina	R	S	T	
1. Baik hati	L	24.2	28.9	46.6	3.6
	P	17.8	42.2	40.0	3.3
2. Berdikari	L	15.6	22.2	62.6	3.6
	P	33.4	42.2	24.4	2.9
3. Hemah tinggi	L	2.2	4.4	93.3	4.5
	P	2.2	17.8	80.0	4.2
4. Hormat-menghormati	L	4.4	4.4	91.1	4.5
	P	2.2	4.4	93.3	4.5
5. Kasih sayang	L	40.0	17.8	42.2	4.5
	P	42.2	24.4	33.3	2.9
6. Keadilan	L	6.7	15.6	77.7	2.9
	P	4.4	20.0	75.8	4.0
7. Kebebasan	L	26.7	35.6	37.8	3.9
	P	17.8	31.1	51.1	3.2
8. Keberanian	L	8.9	8.9	82.2	3.4
	P	15.5	28.9	55.5	3.9
9. Kebersihan	L	4.4	17.8	77.7	3.5
	P	8.9	4.4	86.6	4.2
10. Kejujuran	L	6.7	11.1	82.2	4.3
	P	15.6	8.9	75.5	4.0

**Jadual 3 sambungan**

Item/Nilai	Peratus tahap penghayatan nilai				Min
	Jantina	R	S	T	
11. Kerajinan	L	24.4	48.9	26.6	3.0
	P	24.5	35.6	40.0	2.8
12. Kerjasama	L	4.8	31.1	60.0	3.7
	P	15.5	40.0	44.4	3.4
13. Kesederhanaan	L	11.1	11.1	77.8	3.9
	P	22.2	8.9	68.9	3.6
14. Kesyukuran	L	2.2	8.9	88.9	4.4
	P	11.1	15.6	73.3	4.0
15. Rasional	L	6.6	13.3	80.0	4.0
	P	11.1	11.1	77.7	4.0
16. Semangat bermasyarakat	L	4.4	24.4	71.7	4.0
	P	15.5	13.3	71.1	3.9
Purata keseluruhan	L	19.3	12.1	68.6	3.9
	P	17.2	21.9	61.0	3.7

R = Rendah

L = Lelaki

S = Sederhana

P = Perempuan

T = Tinggi

dengan purata min 3.9 bagi pelajar lelaki dan purata min 3.7 bagi pelajar perempuan. Item hormat-menghormati bagi kedua-dua responden lelaki dan juga perempuan mendapat min tertinggi iaitu 4.5. Keduanya hemah tinggi dengan min 4.5 bagi pelajar lelaki dan 4.2 pelajar perempuan, ketiga kesyukuran min 4.4 bagi pelajar lelaki dan min 4.0 bagi pelajar perempuan. Seterusnya tahap penghayatan bagi nilai-nilai, semangat bermasyarakat, kesederhanaan, kerjasama, kebersihan, kebernaian, kebebasan, keadilan, kasih sayang, kerajinan, berdikari dan baik hati semuanya mendapat min melebihi 2.8.

### **Objektif 2(b): Tahap penghayatan nilai-nilai murni pelajar-pelajar SPH mengikut tahun pengajian semasa menjalankan amali di bengkel**

Merujuk kepada Jadual 4, keputusan kajian ini mendapati tahap penghayatan nilai-nilai murni mengikut kumpulan juga adalah tinggi. Kumpulan pelajar 3SPH menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi terhadap keseluruhan nilai-nilai murni. Walau bagaimanapun terdapat beberapa nilai murni yang berada pada tahap penghayatan sederhana iaitu, baik hati, kasih sayang, kebebasan, dan juga kerajinan. Begitu juga dengan responden 1SPH yang juga menghayati nilai hormat-menghormati.

**Jadual 4** Tahap penghayatan nilai-nilai murni mengikut tahun pengajian

Item/Nilai	Kump	Tahap penghayatan nilai murni						Min	
		R		S		T			
		F	%	F	%	F	%		
1. Baik hati	1SPH	9	26.5	13	38.2	12	35.3	3.2	
	3SPH	10	17.8	19	33.9	27	48.2	3.4	
2. Berdikari	1SPH	13	38.3	14	41.2	7	20.5	2.8	
	3SPH	9	16.0	15	26.8	32	57.1	3.6	
3. Hemah tinggi	1SPH	2	5.9	9	26.5	23	67.6	3.9	
	3SPH	-	0.0	1	1.8	55	98.2	4.6	
4. Hormat-menghormati	1SPH	2	5.9	3	8.8	29	85.3	4.4	
	3SPH	1	1.8	1	1.8	54	96.5	4.7	
5. Kasih sayang	1SPH	17	50.0	8	23.5	9	26.5	2.6	
	3SPH	20	35.7	11	19.6	25	44.7	3.1	
6. Keadilan	1SPH	4	11.8	9	26.5	21	61.8	3.7	
	3SPH	1	1.8	7	12.5	48	85.8	4.1	
7. Kebebasan	1SPH	7	20.6	13	38.2	14	41.4	3.3	
	3SPH	13	23.2	17	30.4	26	46.4	3.3	
8. Keberanian	1SPH	6	17.6	11	32.4	17	50.0	3.4	
	3SPH	5	90	6	10.7	45	80.4	3.9	
9. Kebersihan	1SPH	4	11.4	9	26.5	21	61.8	3.9	
	3SPH	2	3.6	1	1.8	53	94.6	4.5	
10. Kejujuran	1SPH	5	14.7	9	26.5	20	58.8	3.7	
	3SPH	5	8.9	-	-	51	91.1	4.3	
11. Kerajinan	1SPH	9	26.4	18	52.9	7	20.6	2.9	
	3SPH	20	35.7	20	35.7	16	28.6	2.9	
12. Kerjasama	1SPH	7	20.6	18	52.9	9	26.4	3.1	
	3SPH	4	7.2	14	25.0	38	67.9	3.8	
13. Kesederhanaan	1SPH	8	23.5	6	17.6	20	58.8	3.5	
	3SPH	7	12.5	3	5.4	46	82.1	3.9	
14. Kesyukuran	1SPH	5	14.7	10	29.4	19	55.8	3.7	
	3SPH	1	1.8	1	1.8	54	96.4	4.5	
15. Rasional	1SPH	6	17.6	7	20.6	21	61.8	3.7	
	3SPH	2	3.6	4	7.1	50	89.3	4.2	
16. Semangat bermasyarakat	1SPH	5	14.7	15	44.1	14	41.1	3.4	
	3SPH	4	7.2	2	3.6	50	89.3	4.2	
Purata keseluruhan								3.5 3.9	

R = Rendah F = Frekuensi (Kekerapan)

S = Sederhana

T = Tinggi



Ini amat bersetujuan sekali kerana mereka akan mendidik anak bangsa di masa depan agar dapat menerapkan nilai-nilai murni selaras kehendak FPN.

### **Objektif 3: Meninjau pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni semasa menjalankan amali di bengkel**

Berdasarkan Jadual 5, kajian ini mendapati keseluruhan responden mempunyai pandangan positif terhadap kepentingan nilai-nilai murni dalam menjalankan amali di bengkel. Ini jelas terbukti hasil daripada min yang diperolehi dari setiap item yang diuji, purata min secara keseluruhan untuk 16 item adalah 4.0 dan mereka berpandangan positif serta bersetuju menyatakan nilai-nilai murni penting diamalkan semasa amali di bengkel. Pelajar-pelajar ini juga menganggap nilai keberanian dan keadilan sebagai sesuatu yang sangat penting min 4.5 berbanding dengan nialai-nilai yang lain. Nilai berdikari dianggap kurang penting dengan min 3.0 dan peratus yang diperolehi sebanyak 11.1%.

**Jadual 5** Pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni

Item/Nilai	Kepentingan nilai	Kekerapan	Peratus	Min
1. Baik hati	Tidak penting	8	8.8	4.0
	Tidak pasti	4	4.4	
	Penting	78	86.7	
2. Berdikari	Tidak penting	32	35.6	3.0
	Tidak pasti	21	23.3	
	Penting	37	41.1	
3. Hemah tinggi	Tidak penting	11	12.3	3.7
	Tidak pasti	18	20.0	
	Penting	61	67.8	
4. Hormat-menghormati	Tidak penting	14	15.6	3.9
	Tidak pasti	12	13.3	
	Penting	64	71.1	
5. Kasih sayang	Tidak penting	9	10.0	4.5
	Tidak pasti	13	14.4	
	Penting	68	75.5	
6. Keadilan	Tidak penting	6	6.6	4.4
	Tidak pasti	3	3.3	
	Penting	81	90.0	
7. Kebebasan	Tidak penting	7	7.7	4.4
	Tidak pasti	4	4.4	
	Penting	79	87.8	

**Jadual 5** *sambungan*

Item/Nilai	Kepentingan nilai	Kekerapan	Peratus	Min
8. Kebenarian	Tidak penting	6	6.6	4.3
	Tidak pasti	1	1.1	
	Penting	83	92.2	
9. Kebersihan	Tidak penting	8	8.9	4.3
	Tidak pasti	4	4.4	
	Penting	78	86.7	
10. Kejujuran	Tidak penting	9	10.0	4.3
	Tidak pasti	5	5.6	
	Penting	76	84.4	
11. Kerajinan	Tidak penting	11	12.3	4.0
	Tidak pasti	10	11.1	
	Penting	69	76.6	
12. Kerjasama	Tidak penting	13	14.5	3.5
	Tidak pasti	26	28.9	
	Penting	51	56.6	
13. Kesederhanaan	Tidak penting	8	8.8	4.0
	Tidak pasti	8	8.8	
	Penting	74	82.4	
14. Kesyukuran	Tidak penting	5	5.5	4.4
	Tidak pasti	6	6.7	
	Penting	79	87.8	
15. Rasional	Tidak penting	15	16.7	3.9
	Tidak pasti	8	8.8	
	Penting	67	74.5	
16. Semangat bermasyarakat	Tidak penting	14	15.6	3.8
	Tidak pasti	15	16.7	
	Penting	61	67.7	
Purata keseluruhan		4.0		
% Penting			76.8	
% Tidak pasti			11.0	
% Tidak penting			12.2	

**Objektif 4(a): Meninjau pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni mengikut jantina semasa menjalankan amali di bengkel**

Berdasarkan Jadual 6, pelajar lelaki dan perempuan mempunyai pandangan yang positif dengan purata min 4.0, dan mengakui bahawa nilai-nilai murni itu penting dalam amali di bengkel.

**Jadual 6** Pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni mengikut jantina

<b>Item/Nilai</b>	<b>Jantina</b>	<b>Peratus kepentingan nilai</b>			<b>Min</b>
		<b>TP</b>	<b>TPG</b>	<b>P</b>	
1. Baik hati	L	8.9	4.4	86.7	4.0
	P	8.9	4.4	86.7	4.0
2. Berdikari	L	28.9	24.4	46.6	3.1
	P	42.2	22.2	35.6	2.9
3. Hemah tinggi	L	13.4	17.8	68.9	3.7
	P	11.1	22.2	66.6	3.7
4. Hormat-menghormati	L	15.5	17.8	66.7	3.8
	P	15.5	8.9	75.5	3.6
5. Kasih sayang	L	6.6	17.8	75.5	4.0
	P	13.4	11.1	75.5	3.9
6. Keadilan	L	4.4	2.2	93.3	4.5
	P	8.8	4.4	86.6	4.5
7. Kebebasan	L	4.4	2.2	93.3	4.5
	P	11.1	6.7	82.3	4.3
8. Keberanian	L	2.2	-	97.8	4.5
	P	11.1	2.2	86.6	4.4
9. Kebersihan	L	8.9	6.7	84.4	4.2
	P	8.8	2.2	88.9	4.4
10. Kejujuran	L	8.8	6.7	84.4	4.2
	P	11.1	4.4	88.9	4.3
11. Kerajinan	L	11.1	6.7	84.4	4.0
	P	13.3	15.6	84.5	4.0
12. Kerjasama	L	13.3	31.1	82.2	3.4
	P	15.5	26.7	71.1	3.5
13. Kesederhanaan	L	11.1	11.1	55.5	3.9
	P	6.6	6.7	57.7	4.2
14. Kesyukuran	L	4.4	8.9	77.7	4.3
	P	6.6	4.4	86.7	4.5
15. Rasional	L	13.3	6.7	86.7	3.9
	P	20.0	11.1	88.9	3.9
16. Semangat bermasyarakat	L	13.3	17.8	80.0	3.8
	P	17.8	15.6	68.8	3.8
Purata keseluruhan	L	10.5	11.5		4.0
	P	13.9	10.6		4.0

TP – Tidak Pasti

TPG – Tidak Penting

P – Penting



**Objektif 4(b): Meninjau pandangan pelajar-pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni mengikut tahun pengajian semasa menjalankan amali di bengkel**

Jadual 7, pula menunjukkan keseluruhan pelajar di dalam kumpulan 3SPH dan 1SPH juga mempunyai pandangan yang positif terhadap kepentingan nilai-nilai murni. Pelajar-pelajar kumpulan 3SPH (Bekas guru) menyatakan bahawa nilai-nilai seperti kebebasan, keberanian, bersih fizikal dan mental, kejujuran, baik hati, kesyukuran dan keadilan adalah amat penting dan perlu dihayati serta diamalkan dalam amali bengkel. Manakala kumpulan 1 SPH (Perdana) berpandangan positif dan mempunyai peratus tertinggi untuk nilai keadilan dan keberanian dengan min antara 4.2 hingga 4.6 Namun begitu nilai berdikari mempunyai peratus terendah dengan min 2.9.

**Jadual 7** Pandangan pelajar SPH terhadap kepentingan nilai-nilai murni mengikut kumpulan

Item/Nilai	Kump	Tahap penghayatan nilai murni						Min	
		TP		TPG		P			
		F	%	F	%	F	%		
1. Baik hati	1SPH	6	17.6	1	2.9	27	79.4	3.9	
	3SPH	2	3.6	3	5.4	51	91.1	4.1	
2. Berdikari	1SPH	13	38.2	11	32.4	10	29.4	2.9	
	3SPH	19	33.9	10	17.9	27	48.2	3.1	
3. Hemah tinggi	1SPH	5	14.7	10	29.4	19	55.9	3.6	
	3SPH	6	10.8	8	14.3	42	75.0	3.8	
4. Hormat-menghormati	1SPH	8	23.6	8	23.5	18	52.9	3.3	
	3SPH	6	10.8	4	7.1	46	82.1	3.9	
5. Kasih sayang	1SPH	5	14.4	6	17.6	23	67.7	3.8	
	3SPH	4	7.2	7	12.5	45	80.3	4.0	
6. Keadilan	1SPH	4	11.8	1	2.9	29	85.3	4.3	
	3SPH	2	3.6	2	3.6	52	92.8	4.6	
7. Kebebasan	1SPH	5	14.7	4	11.8	25	73.5	4.0	
	3SPH	2	3.6	—	—	54	96.4	4.7	
8. Keberanian	1SPH	5	14.7	—	—	29	85.3	4.2	
	3SPH	1	1.8	1	1.8	54	96.5	4.6	
9. Kebersihan	1SPH	5	14.7	4	11.8	25	73.5	4.0	
	3SPH	3	5.4	—	—	53	94.7	4.5	
10. Kejujuran	1SPH	6	17.7	4	11.8	24	70.6	3.9	
	3SPH	3	5.4	1	1.8	52	92.9	4.5	
11. Kerajinan	1SPH	7	20.6	8	23.5	19	55.9	3.6	
	3SPH	4	7.2	2	3.6	50	89.3	4.3	

**Jadual 7** *sambungan*

Item/Nilai	Kump	Tahap penghayatan nilai murni						Min	
		TP		TPG		P			
		F	%	F	%	F	%		
12. Kerjasama	1SPH	6	17.7	12	35.3	16	47.0	3.2	
	3SPH	7	12.5	14	25.0	35	62.5	3.6	
13. Kesederhanaan	1SPH	4	11.8	6	17.6	24	70.6	3.9	
	3SPH	4	7.2	2	3.6	50	89.3	4.2	
14. Kesyukuran	1SPH	4	11.7	5	14.7	25	73.5	4.1	
	3SPH	1	1.8	1	1.8	54	96.4	4.6	
15. Rasional	1SPH	8	23.5	8	23.5	18	52.9	3.6	
	3SPH	7	12.5	–	–	49	87.5	4.1	
16. Semangat bermasyarakat	1SPH	8	23.6	9	26.5	17	50.0	3.5	
	3SPH	6	10.7	6	10.7	44	78.5	3.9	
Purata keseluruhan	1SPH		18.4		17.6		64.0	3.7	
	3SPH		8.6		6.8		96.4	4.2	

TP – Tidak penting F – Frekuensi (Kekerapan)

TPS – Tidak pasti

P – Penting

## 5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini mendapati tidak semua 16 nilai-nilai murni yang telah dikaji dihayati sepenuhnya. Terdapat dua belas 12 nilai yang dihayati sepenuhnya oleh responden, dan ini selaras dengan kenyataan Kamarudin (1989) bahawa IPT memang telah lama berusaha menerapkan nilai-nilai Islam di kalangan para pelajar. Manakala empat nilai telah dikenal pasti sederhana penghayatannya, iaitu nilai berdikari, kasih sayang, kerjasama dan kerajinan. Nilai hormat-menghormati berada pada tahap yang paling tinggi penghayatannya di dalam kajian ini. Fenomena ini menunjukkan, sikap hormat-menghormati sesama manusia adalah menjadi norma hidup yang menjadi perkara utama. Sikap kasih sayang kelihatan kurang diberi perhatian oleh para pelajar dalam kajian ini. Sebagai seorang pelajar sikap ini harus ditanam dan diamalkan terutama di bengkel-bengkel kerja amali bagi mengelakkan berlakunya pembaziran terhadap bahan-bahan kerja amali di bengkel. Pelajar juga haruslah memberikan kerjasama kepada semua kakitangan yang menguruskan bengkel agar pengurusan di bengkel dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dapatkan kajian ini menunjukkan tahap penghayatan pelajar terhadap sikap kerjasama tidak mendapat peratusan yang tinggi. Begitu juga dengan sikap kerajinan, di mana dapatan kajian ini menunjukkan tahap kerajinan para pelajar agak rendah berbanding dengan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni yang lain. Pelajar haruslah mengamalkan sikap kerajinan agar kerja-kerja



amali di bengkel dapat disiapkan mengikut rancangan yang diatur supaya dapat mengelakkan berlakunya kesesakan di bengkel di saat-saat akhir semester pengajian yang boleh mengakibatkan berlakunya kejadian yang tidak diingini di bengkel amali.

Implikasi kajian menjelaskan bahawa sikap mereka yang mementingkan sebahagian sahaja nilai-nilai murni perlu diberi perhatian, kerana mereka ini bakal melaksanakan sistem pendidikan yang menghendaki guru-guru menerapkan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka selaras dengan kehendak FPN. Ini adalah merupakan satu usaha untuk mengatasi masalah Budaya Ilmu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991) bagi melahirkan kesan yang positif terhadap proses pembelajaran dan penghayatan nilai-nilai murni. Beberapa perkara berikut dicadangkan:

1. Pelajar-pelajar diharapkan mengamalkan dan menghayati sepenuhnya enam belas nilai-nilai murni di dalam kehidupan sehari-hari dan bukan sekadar menghayati sewaktu berada di bengkel atau kelas sahaja.
2. Para pensyarah dan tenaga akademik hendaklah membuat penilaian terhadap seseorang pelajar tidak hanya berdasarkan kepada pencapaian yang cemerlang di dalam akademik tetapi juga mengambil kira sikap dan personaliti mereka sepanjang pengajian.
3. Tenaga pengajar haruslah memastikan pelajar-pelajar ditegaskan dan diterapkan nilai-nilai murni secara menyeluruh sewaktu kelas amali dijalankan supaya mereka sedar dan faham aspek-aspek nilai-nilai murni dan cara menerapkannya dalam pembelajaran. Pengetahuan dan pengalaman ini penting untuk dijadikan bekalan apabila mereka bertugas di sekolah, setelah mereka tamat pengajian kelak.

## RUJUKAN

- Alias Baba. 1992. *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ariffin Ba'ada. 1991. "Penerapan Nilai-nilai Merentasi Kurikulum – Ke Arah Melahirkan Generasi Yang Harmonis". *Jurnal Pendidikan*. 35: 43-47.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1986. *Nilai-nilai Murni Dalam KBM Cabaran Untuk Pendidikan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Krejcie, R. V., dan D. W. Morgan. 1970. "Determining sample size for research activities". *Educational and Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Mohamed Yamin Mohamed Yusof. 1991. "Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia KBM". *Jurnal Pendidikan*. 35: 26.
- Mohd. Azib Salleh dan Abdullah Othman. 1991. "Disiplin Pelajar Di Kampus". Dalam: Persatuan Pendidikan Malaysia. *Disiplin dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise; 73.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd. Najib Ghafar. 1996. *Asas Penyelidikan Sains Sosial*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salant, P., dan D. A. Dillman. 1994. *How To Conduct Your Own Survey*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sow Heng Loke, dan Loh Kok Wah. 1991. "Status Komponen Nilai-nilai Murni Dalam Sains KLSM dan Implikasinya Ke atas KBM". *Jurnal Pendidikan*. 35: 57-58.
- Sufean Hussin. 1991. *Pengajaran Nilai dalam Kurikulum*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin. 1988. "Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni Dalam KBM: Falsafah Pendidikan Negara". Kertas Kerja Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam KBM, UKM.



- Tajul Ariffin Noordin, dan Nor'aini Dan. 1992. *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.  
Tunku Sarah Tunku Mohd. Jiwa. 1997. "Pembinaan Model Penerapan Nilai Murni Di Dalam Pengajaran Di IPT".  
Tesis Ph.D, UTM.  
Van Dalen, D. B. 1979. *Understanding educational research*. New York: McGraw Hill Book.

